

1. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Berpenat lelah Datin Arina membersihkan rumahnya, padahal dia mempunyai pembantu rumah.

- ☐ A cencaru makan petang
- ☐ B cacing hendak menjadi naga
- ☐ C ada sampian hendak berenang
- ☐ D mengharapkan pagar, pagar makan padi

2. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.*

Kakak: Sudahlah, Mansur. Lupakanlah persengketaan kamu dengan rakan perniagaan kamu itu. Mulai sekarang, kamu harus mulakan hidup baharu.

Mansur: Baiklah, kakak. Akan saya patuhi nasihat kakak itu.

- ☐ A lunak gigi daripada lidah
- ☐ B buang yang keruh, ambil yang jernih
- ☐ C ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- ☐ D kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga

3. Selepas melahirkan anak sulung, Puan Robiah mengabaikan anak angkatnya. Kasih sayang yang terjalin antara Puan Robiah dengan anak angkatnya diibaratkan...


- ☐ A seperti embun di hujung rumput.
- ☐ B seperti kaca terhempas ke batu.
- ☐ C seperti telur di hujung tanduk.
- ☐ D seperti hujan jatuh ke pasir.

4. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Abang Saiful berlagak pandai kononnya dia tahu membetulkan televisyen yang rosak itu. Namun begitu, akhirnya televisyen itu langsung tidak boleh digunakan lagi.

- ☐ A seperti gergaji dua mata
- ☐ B seperti tikus membaiki labu
- ☐ C seperti anjing melintang denai
- ☐ D seperti durian menunjukkan pangsa

5. *Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih satu peribahasa yang sesuai.*



- ☐ A alim bagai katak di tepi air
- ☐ B laksana katak diharung ular
- ☐ C seperti katak di bawah tempurung
- ☐ D seperti katak, sedikit hujan banyak bermain

6. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.

Ibu: Kamu hendaklah mendidik anak kamu itu supaya hormat pada orang tua sejak kecil lagi. Kalau dah besar nanti, susah pula hendak diajarnya.
Alia: Baiklah, ibu. Nasihat ibu itu akan saya turuti.

- ☐ A kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan
- ☐ B melentur buluh biarlah daripada rebungnya
- ☐ C ke hulu menongkah surut, ke hilir menongkah pasang
- ☐ D kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau

7. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Encik Dahlan menafikan khabar angin bahawa dia akan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Syarikat Ehsan walaupun semua pekerja telah mengetahui perkara tersebut.

- ☐ A kalau secupak tidak boleh jadi segantang
- ☐ B kalau dicampak bunga, takkan dibalas dengan tahi
- ☐ C kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa
- ☐ D jika tidak kerana angin, pokok kayu mahukah bergoyang

8. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Puan Saodah ingin mengambil Johan sebagai anak angkat tetapi hasratnya itu dihalang oleh ibunya kerana Johan bukan sahaja pemalas tetapi juga suka mencuri.

- ☐ A seperti menatang minyak yang penuh
- ☐ B seperti mendukung biawak hidup
- ☐ C seperti melukut di tepi gantang
- ☐ D seperti gunting dalam lipatan

9. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Generasi muda perlu mengekalkan budaya dan warisan yang kita miliki supaya warisan tersebut akan kekal selamanya.

- ☐ A tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- ☐ B yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
- ☐ C terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau
- ☐ D yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang

10. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	seperti cincin dengan permata
II	seperti anjing dengan kucing
III	bagai langit dengan bumi
IV	bagai pinang dibelah dua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

11. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Segala nasihat ibu bapanya dan rakan-rakan tidak diendahkan oleh Affandi. Dia tetap melepak di pusat beli-belah dan bergaul dengan budak-budak nakal.

- ☐ A tepuk dada tanya selera
☐ B nasi sudah menjadi bubur
☐ C sediakan payung sebelum hujan
☐ D seperti mencurahkan air di daun keladi

12. Juita minum beberapa gelas air kosong setelah makan sepotong kek yang _____ itu.

- ☐ A panas seperti api
☐ B manis macam madu
☐ C harum seperti bunga
☐ D masam macam cuka

13. Peribahasa yang boleh dikaitkan dengan sikap seseorang yang suka mengeji orang tetapi dirinya lebih buruk lagi ialah...

- ☐ A air susu dibalas dengan air tuba.
☐ B kecil api menjadi kawan, besar menjadi lawan.
☐ C rambut sama hitam, hati masing-masing berlainan.
☐ D mengata dulang paku serpih, mengata orang awak yang lebih.

14. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	berat sama dipikul ringan sama dijinjing
II	hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
III	di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
IV	ibarat telur sesangkak pecah sebiji pecah semua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Ramlan yang miskin itu dinasihatkan agar tidak meneruskan niatnya untuk meminang anak Dato' Ghazali yang kaya-raya itu.

- ☐ A ukur baju di badan sendiri
☐ B sambil menyelam minum air
☐ C cacing hendak menjadi naga
☐ D sarang tebuan jangan dijolok


16. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	seperti belut kena ranjau
II	seperti aur ditarik songsang
III	jauh bau bunga, dekat bau tahi
IV	sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

17. *Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih peribahasa yang sesuai.*



- ☐ A seperti harimau menunjukkan belangnya
- ☐ B seperti harimau menyembunyikan kukunya
- ☐ C hidup dikandung adat mati dikandung tanah
- ☐ D harimau mati meninggalkan belang manusia mati meninggalkan nama

18. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Majlis perkahwinan Raja Muda Perak itu berlangsung mengikut adat turun-temurun.

- ☐ A siang berpanas, malam berembun
- ☐ B tegak sama tinggi, duduk sama rendah
- ☐ C tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- ☐ D tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata

19. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Keputusan pertandingan juara lagu sudah diketahui umum namun masih banyak peminat seni tanah air yang bercakap-cakap tentangnya.

- ☐ A menangguk di air keruh
- ☐ B orang mengantuk disorongkan bantal
- ☐ C sebab nila setitik rosak susu sebelanga
- ☐ D rumah sudah siap, pahat masih berbunyi

20. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Setelah mendapat pekerjaan yang baik di bandar, Zamri langsung tidak mengendahkan sahabat baiknya yang membantunya ketika susah.

- ☐ A habis manis sepah dibuang
- ☐ B seperti kacang lupakan kulit
- ☐ C harapkan pagar, pagar makan padi
- ☐ D sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi